



**KENYATAAN MEDIA  
YAB TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD  
PERDANA MENTERI MALAYSIA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS KABINET  
MENGENAI ANTI-RASUAH (JKKMAR)  
SIRI 7 BILANGAN 1 TAHUN 2019  
19 MAC 2019**

1. Saya telah mempengerusikan mesyuarat kali yang ke-7 Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Bilangan 2 Tahun 2019.
2. Sebanyak **11 kertas mesyuarat** telah dibincangkan termasuk 5 kertas makluman yang memfokuskan kepada inisiatif-inisiatif yang telah digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023, dalam aspek governans, integriti dan pencegahan rasuah.
3. Keputusan-keputusan penting yang telah dicapai dalam mesyuarat JKKMAR Siri 7 ialah:
  - i. **JANJI 21: MEMPERKASA PERKHIDMATAN AWAM: PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN BERINTEGRITI DAN PROFESIONAL** - Jabatan Perkhidmatan Awam akan terus mempertingkatkan imej Perkhidmatan Awam dengan amalan *good governance*, *neutrality* dan *impartiality* melalui pelbagai kaedah iaitu mengeluarkan **Arahan YAB Perdana Menteri** bagi menambah baik tadbir urus proses kenaikan pangkat pegawai kumpulan pengurusan tertinggi, penglibatan penjawat awam dalam politik dan melancarkan **Kod Etika Perkhidmatan Awam** bagi memastikan sistem penyampaian sektor awam yang lebih berintegriti dan profesional.

- ii. **NACP 4.1.3: MEMBERI KEUTAMAAN SUPAYA KES RASUAH DIDENGAR OLEH HAKIM YANG BERPENGALAMAN DAN TERLATIH DALAM MENGURUSKAN KES RASUAH** – Pihak mahkamah akan mempercepatkan tunggakan kes di mahkamah dengan mengukuhkan perjawatan Hakim di mahkamah sesyen khas rasuah bagi kes berprofil tinggi dan menstruktur semula Mahkamah Sesyen Khas Rasuah serta menggunakan teknologi sistem *transcriber* semasa perbincaraan bagi penyediaan nota dengan pantas.
- iii. **LAPORAN AKHIR DAN SYOR PENAMBAHBAIKAN JAWATANKUASA SIASATAN TADBIR URUS, PEROLEHAN DAN KEWANGAN KERAJAAN KE ATAS PERLAKSANAAN LAND SWAP DI KEMENTERIAN PERTAHANAN** – Semua kementerian akan melaksanakan proses *land swap* secara tender terbuka mengikut peraturan kewangan yang berkuat kuasa pada masa ini supaya tiada lagi isu ketirisan wang awam dan pembaziran dana kerajaan.
- iv. **CADANGAN MENGGUNAKAN LAGU “MALAYSIA BERSIH” UNTUK SEMUA PROGRAM RASMI KERAJAAN** - Lagu ini akan dimainkan dalam program dan majlis rasmi atau separa rasmi kerajaan di mana klip video lagu ini disediakan oleh Jabatan Penerangan untuk edaran semua kementerian/jabatan kerajaan.
- v. **MELAKSANAKAN JANJI 38 UNTUK MEMBELA NASIB ORANG ASAL SEMENANJUNG MALAYSIA** – kerajaan akan memantapkan lagi peranan Jabatan Kemajuan Orang Asli dalam meningkatkan ekonomi masyarakat Orang Asli melalui skim pembangunan tanah yang lebih berdaya maju, meningkatkan lagi akses kepada pendidikan dari segi bantuan pelajaran, melengkapkan infra di perkampungan Orang Asli dan tadbir urus berkaitan hak tanah adat.

vi. **JAWATANKUASA KHAS KABINET JUGA MENGAMBIL MAKLUM MENGENAI USAHA-USAHA YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH KEMENTERIAN DAN AGENSI AWAM BERIKUT:**

- **KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA BERKAITAN CADANGAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH JAWATANKUASA REFORMASI INSTITUSI;**
- **USAHA-USAHA PIHAK BANK NEGARA MALAYSIA DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001 (AKTA 6130);**
- **KEPUTUSAN DARIPADA MESYUARAT JAWATANKUASA ANTI-RASUAH PERINGKAT KEBANGSAAN BILANGAN 1/2019 YANG PERTAMA KALI DIPENGERUSIKAN OLEH KETUA SETIAUSAHA NEGARA PADA 18 FEBRUARI 2019;**
- **CADANGAN PENGGUBALAN SATU RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN BERHUBUNG PENGURUSAN SUMBER MANUSIA YANG SEDANG DISIAPKAN OLEH JABATAN PERKHIDMATAN AWAM; DAN**
- **MAKLUM BALAS AWAL SURUHANJAYA PILIHAN RAYA KE ATAS JANJI 17 KERAJAAN BAGI MENJAMIN KETELUSAN DAN KEMODENAN SISTEM PILIHAN RAYA.**

**PEJABAT PERDANA MENTERI  
PUTRAJAYA  
19 MAC 2019**